

**TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL APLIKASI MUDAH ALIH**  
**PB JOURNEY**

**1. AM**

- 1.1 Terma dan syarat ini mengawal penggunaan perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih PB Journey Public Bank Berhad (“Aplikasi”) yang disediakan oleh Public Bank Berhad (“Bank”).
- 1.2 Penting untuk anda membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum anda menggunakan dan mengakses Aplikasi ini. Sekiranya anda menggunakan dan mengakses Aplikasi ini, anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini.

**2. TAKRIFAN DAN SUSUNAN KATA**

- 2.1 Perkataan dan pernyataan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang berikut:-
- a) “Akses ID” bermaksud nama pengguna dan/atau pin 6 digit yang unik, kata laluan dan/atau maklumat penentusahan rahsia lain yang diperlukan untuk mengakses dan/atau kegunaan bagi Aplikasi sama ada dalam bentuk perkataan, kod, nombor, bilangan angka atau bentuk atau kombinasi lain seumpamanya.
  - b) “Bank” atau “kami” bermaksud Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan pemegang serah hak dan penerima serah hak mereka yang kemudiannya dan mana-mana yang berkenaan, mana-mana satu daripadanya.
  - c) “Biometrik” bermaksud cap biometrik yang disimpan dalam Peranti Mudah alih yang menyokong fungsi log masuk dan penentusahan biometrik, termasuk tetapi tidak terhad pada cap jari, pengenalan muka dan suara, dan boleh digunakan bagi menggantikan PIN Pelanggan untuk mengakses Aplikasi dan menjalankan fungsi-fungsi yang berkaitan dalam Aplikasi.
  - d) “Hari Perniagaan” bermaksud mana-mana hari kalendar mulai Isnin hingga Jumaat, melainkan hari cuti umum atau hari cuti bank di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



- e) “Waktu Perniagaan” bermaksud 24 jam sehari, termasuk hari cuti.
- f) “Kanak-kanak” bermaksud pemegang akaun Akaun Simpanan WISE yang belum mencapai umur majoriti di bawah Akta Umur Majoriti 1971.
- g) “Pelanggan” atau “anda” bermaksud orang yang berjaya mendaftar dan/atau telah mengakses Aplikasi dan pemegang akaun Akaun Simpanan WISE yang dipautkan kepada Aplikasi. Ini termasuk Ibu atau Bapa dan Kanak-kanak.
- h) “Peranti” bermaksud mesin seperti Peranti Mudah Alih atau terminal komputer yang boleh digunakan untuk disambungkan kepada Internet.
- i) “Internet” bermaksud rangkaian komputer yang terdiri daripada rangkaian komputer global yang menggunakan protokol rangkaian TCP/IP untuk memudahkan transmisi dan pertukaran data.
- j) “Peranti Mudah alih” bermaksud telefon mudah alih, telefon pintar, tablet atau peranti komunikasi lain yang digunakan untuk mengakses Aplikasi.
- k) “Penyedia Perkhidmatan Rangkaian” bermaksud Penyedia Perkhidmatan Internet (“ISP”) atau apa-apa penyedia perkhidmatan dalam talian yang menyediakan sambungan kepada Internet atau menyediakan untuk Pelanggan perkhidmatan telekomunikasi dan sambungan yang perlu bagi pemberian aplikasi selain daripada rangkaian proprietarinya sendiri.
- l) “Aplikasi Mudah Alih PB Journey” atau “App” bermaksud aplikasi mudah alih PB Journey yang disediakan untuk dimuat turun melalui *Apple App Store*, *Google Play Store*, *Huawei App Gallery*, atau apa-apa storan aplikasi lain yang Bank akan masukkan dari semasa ke semasa.
- m) “Kumpulan Public Bank” bermaksud cawangan, agensi, wakil, pegawai, rakan sekutu atau perbadanan kami yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad pada subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejen mereka.
- n) “Sokongan Pelanggan PBe Public Bank” bermaksud perkhidmatan pelanggan Kumpulan Public Bank. Butiran orang yang boleh dihubungi dinyatakan melalui laman web Bank.

- o) “Terma dan Syarat” bermaksud terma dan syarat yang mengawal penggunaan Aplikasi termasuk apa-apa perubahan, pindaan, semakan dan/atau pengubahsuaian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Bank.
- 2.2 Perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.3 Perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan sebaliknya.
- 2.4 Apa-apa terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau dinyatakan secara khusus dalam ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am bank-bank dan institusi-institusi kewangan di Malaysia. Apa-apa terma yang berkaitan dengan teknologi komputer yang tidak ditakrifkan atau dinyatakan secara khusus dalam ini hendaklah ditafsirkan menurut amalan am dan industri teknologi maklumat di Malaysia.
- 2.5 Sekiranya dua (2) atau lebih orang atau pihak yang termasuk dalam pernyataan "Pelanggan", perjanjian, waad, penetapan, aku janji, Terma dan Syarat yang dinyatakan sebagai dibuat oleh dan bagi pihak Pelanggan dalam ini hendaklah dianggap dan difahami sebagai dibuat oleh orang atau pihak berkenaan secara bersama dan bersesama.
- 2.6 Apabila merujuk “termasuk” atau “contohnya” atau perkataan seumpamanya yang lain apabila memperkenalkan suatu contoh tidak mengehadkan maksud perkataan bagi contoh yang diberi.

### **3. TERMA DAN SYARAT**

- 3.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:-
  - a) Terma dan syarat yang mengawal akaun berkaitan yang boleh diakses melalui Aplikasi; dan
  - b) Terma dan syarat yang mengawal PB engage;(Secara kolektif dikenali sebagai “Terma dan Syarat” lain).
- 3.2 Sekiranya terdapat pertikaian atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Lain, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi perkara yang berkaitan dengan Aplikasi.

#### 4. APLIKASI MUDAH ALIH PB JOURNEY

##### Pendaftaran

- 4.1 Ibu atau Bapa yang berikut yang memenuhi semua kriteria yang berikut boleh mendaftar untuk menggunakan dan mengakses Aplikasi:-
- a) Mesti telah mengekalkan Akaun Simpanan WISE yang sah dan aktif dengan Bank;
  - b) Mesti mempunyai akaun semasa atau simpanan atau Konvensional atau Islam yang sah dan aktif dengan Bank selain daripada Akaun Simpanan WISE;
  - c) Mesti telah berdaftar dan mempunyai akses kepada perbankan internet PBe; dan
  - d) Akaun simpanan WISE mesti dirangkaikan kepada PBe Ibu Bapa.
- 4.2 Bank boleh menolak permohonan tanpa memberi apa-apa sebab.
- 4.3 Selepas pendaftaran berjaya dibuat, Aplikasi tersebut boleh diakses oleh Kanak-kanak yang merupakan pemilik Akaun Simpanan WISE. Ibu atau Bapa mengaku janji untuk memastikan Kanak-kanak tersebut mempunyai akses kepada Aplikasi dan mematuhi Terma dan Syarat ini dan Ibu atau Bapa bertanggungjawab bagi semua tindakan yang dibuat oleh Kanak-kanak berkaitan dengan Aplikasi itu.

##### Kegunaan dan Akses

- 4.4 Aplikasi ini membenarkan Pelanggan untuk mengakses perkhidmatan digital Bank seperti penciptaan matlamat (*goal*), matlamat simpanan, pewujudan dan penyelesaian tugas, video pendidikan kewangan dan pengemukaan keputusan bagi *Star Achiever Programme*.
- 4.5 Bank boleh menawarkan perkhidmatan baharu atau tambahan dalam Aplikasi dan penggunaan serta akses perkhidmatan itu tertakluk pada Terma dan Syarat atau terma dan syarat lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 4.6 Penggunaan dan akses kepada Aplikasi adalah atas dasar bukan eksklusif dan tidak boleh dipindah milik.



- 4.7 Anda tidak boleh menggunakan Aplikasi ini bagi apa-apa tujuan lain termasuk bagi aktiviti tidak sah selain daripada untuk mengakses profil anda.
- 4.8 Anda hendaklah memastikan anda log keluar daripada Aplikasi itu menggunakan Peranti Mudah Alih yang digunakan untuk mengakses Aplikasi.
- 4.9 Anda tidak harus membenarkan mana-mana orang yang tidak dibenarkan untuk menggunakan dan mengakses Aplikasi berkenaan menggunakan Akses ID anda.
- 4.10 Anda tidak boleh mengeluarkan semula, mengubah suai atau memberbalikkan penggunaan Aplikasi atau melakukan tindakan yang tidak dibenarkan pada Aplikasi berkenaan.
- 4.11 Anda hendaklah memastikan anda menggunakan dan mengakses versi Aplikasi terkini pada setiap masa.
- 4.12 Anda tidak boleh memasang, menggunakan dan mengakses Aplikasi pada Peranti Mudah Alih *jail-broken* atau *rooted* kerana terdapat risiko Peranti Mudah Alih boleh memintas ciri-ciri keselamatan yang ada pada Aplikasi.
- 4.13 Anda tidak boleh membiarkan Peranti Mudah Alih anda tanpa pengawasan sehingga membolehkan mana-mana orang menggunakan dan mengakses Aplikasi berkenaan.
- 4.14 Anda boleh membenarkan kunci pada Peranti Mudah Alih yang anda gunakan untuk mengakses Aplikasi berkenaan.

#### Akses ID

- 4.15 Anda perlu mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk memastikan dan mengelakkan penggunaan Akses ID anda tanpa kebenaran dan/atau secara menipu pada setiap masa dan menyimpan Peranti Mudah Alih anda yang boleh digunakan untuk keselamatan Aplikasi apabila anda sedang menggunakan dan mengakses Aplikasi berkenaan.

- 4.16 Anda hendaklah merekodkan Akses ID anda pada mana-mana perisian yang menyimpannya secara automatik (seperti mesej pantas di skrin komputer atau ciri-ciri “simpan kata laluan” atau pada penyemak seimbans internet anda). Anda juga hendaklah memastikan bahawa peranti elektronik anda termasuk tetapi tidak terhad pada komputer peribadi, telefon pintar, tablet, *notebook* dan komputer riba anda tidak menyimpan dan merekodkan Akses ID anda secara automatik.
- 4.17 Anda bersetuju bahawa Akses ID anda adalah rahsia dan mengaku janji untuk tidak menzahirkannya atau mendedahkannya dalam apa jua cara yang mungkin menyebabkan Akses ID anda dizahir atau didedahkan kepada mana-mana orang (termasuk kakitangan kami) melalui panggilan telefon yang tidak diminta, e-mel, melalui mana-mana laman web atau aplikasi mudah alih selain daripada Aplikasi berkenaan. Apa-apa dokumen yang dihantar oleh kami kepada anda berkaitan dengan Akses ID mestilah dihapuskan selepas anda membacanya.
- 4.18 Anda hendaklah menghafal Akses ID anda dan memastikan tiada rekod bertulis mengenai Akses ID anda disimpan di mana-mana tempat atau dengan cara yang membolehkan pihak ketiga mempunyai akses kepada atau menggunakan Akses ID anda. Anda tidak seharusnya menggunakan Akses ID yang biasa misalnya nombor kad pengenalan, no. pasport, tarikh lahir atau nombor telefon dan anda hendaklah menukar Akses ID anda dari semasa ke semasa.
- 4.19 Sekiranya anda mengesyaki dan menyedari bahawa:-
- a) Orang yang tidak dibenarkan mengetahui Akses ID anda; atau
  - b) Terdapat akses tidak dibenarkan kepada profil dan/atau akaun anda atau penggunaan Akses ID anda melalui Aplikasi;
- Anda mestilah menukar Akses ID anda dengan segera atau meminta Akses ID baharu, mana-mana yang berkenaan. Anda mestilah memaklumkan kami melalui Sokongan Pelanggan PBe Public Bank dan memenuhi keperluan yang berikut:-
- a) Anda mesti memberi kami maklumat dan bantuan berkaitan yang sewajarnya dalam menyiasat perkara tersebut; dan

- b) Anda mesti membuat susulan terhadap pemakluman di atas dengan pengesahan bertulis dan pengemukakan dokumen seperti yang diperlukan dan seperti yang dikehendaki oleh kami termasuk tetapi tidak terhad pada salinan laporan polis yang dikemukakan berkenaan dengan pendedahan Akses ID anda atau akses Aplikasi tidak dibenarkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pendedahan Akses ID anda dan/atau akses Aplikasi yang tidak dibenarkan.

- 4.20 Walau apapun yang terkandung dalam Fasal 4, kami boleh menyahaktifkan atau membatalkan penggunaan Akses ID pada bila-bila masa dengan memberi pemakluman kepada anda.

#### Wang Saku (*Pocket Money*)

- 4.21 Ciri-ciri *Pocket Money* dalam Aplikasi adalah akaun maya yang berkaitan dengan Akaun Simpanan WISE yang dikekalkan oleh anda dengan Bank.
- 4.22 Anda boleh menandatangani wang ke dalam akaun maya dan wang yang telah dikreditkan ke dalam akaun boleh dikeluarkan melalui PB engage.

#### Matlamat (*Goal*)

- 4.23 Ciri-ciri Matlamat dalam Aplikasi membolehkan anda untuk mewujudkan matlamat simpanan. Bagi tujuan untuk menyempurnakan matlamat tersebut, anda dikehendaki memindahkan dana daripada Wang Saku. Selepas matlamat itu selesai, dana kemudiannya akan dikembalikan kepada Wang Saku pada hari kalendar berikutnya selepas tarikh kematangan Matlamat.
- 4.24 Faedah matlamat dikira setiap hari berdasarkan baki akhir hari dalam akaun matlamat. Jumlah faedah diperolehi atas amaun matlamat akan dikreditkan dalam Akaun Simpanan WISE pada hari ke-lima belas (15) setiap bulan selepas matlamat selesai dalam tempoh matlamat. Bagi mengelakkan keraguan, dana bagi matlamat yang tidak tercapai tidak layak untuk faedah matlamat.

#### Liabiliti

- 4.25 Anda bersetuju bahawa kegagalan untuk memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam Fasal 4 boleh mendedahkan anda kepada akibat daripada kecurian atau penggunaan Aplikasi yang tidak dibenarkan untuk mengakses profil dan akaun anda, yang sekiranya ini berlaku, anda akan bertanggungjawab bagi semua tindakan yang dibuat melalui Aplikasi tersebut sama ada dalam pengetahuan atau kuasa anda.



## **5. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN**

- 5.1 Perkhidmatan Aplikasi ini dihasratkan untuk disediakan dua puluh empat (24) jam sehari, termasuk pada hari cuti. Bagaimanapun, Pelanggan mengakui bahawa pada waktu tertentu, perkhidmatan itu mungkin tidak boleh diakses disebabkan penyelenggaraan sistem atau sebab atau punca lain di luar kawalan Bank. Pelanggan mengakui bahawa walau apapun peruntukan dalam ini, Bank tidak menjamin bahawa perkhidmatan ini akan disediakan sepanjang masa tanpa gangguan.
- 5.2 Bank akan sedaya upaya dan semunasabah mungkin memaklumkan kepada anda mengenai jadual penyelenggaraan dengan memberi makluman kepada anda dengan cara seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.

## **6. PENOLAK LIABILITI**

- 6.1 Dengan menggunakan Aplikasi ini, saya mengakui dan bersetuju:-
- a) Untuk menerima risiko tersirat yang berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil melalui internet; dan
  - b) Bahawa kami tidak membuat apa-apa perwakilan atau jaminan secara nyata atau tersirat berkenaan dengan Aplikasi itu.
- 6.2 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan tanpa prejudis kepada fasal lain di bawah Terma dan Syarat ini, kami, termasuk pengarah, pegawai dan kakitangan kami tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerosakan, kerugian, kos dan perbelanjaan berikutan daripada atau berhubung dengan Aplikasi atau kegunaan atau ketidakmampuan oleh anda untuk menggunakan Aplikasi ini atau berhubung dengan apa-apa kelewatan, kesilapan, ketertinggalan, kecacatan, virus komputer atau kegagalan sistem.
- 6.3 Tanpa mengehendkan pernyataan umum dalam Fasal 6.2 di atas, sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau rasa malu yang dialami atau ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh atau berikutan daripada:-
- a) Kegagalan anda untuk mematuhi Terma dan Syarat ini;
  - b) Apa-apa kesilapan, pengubahan atau kemusnahan data atau maklumat kepada atau daripada kami melalui Aplikasi ini dan internet;



- c) Apa-apa pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang atau pihak terhadap perkakasan, perisian atau sistem yang digunakan berkaitan dengan Aplikasi atau pada internet termasuk tetapi tidak terhad pada virus, trojan, cecacing dan/atau makro atau komponen berbahaya yang lain yang boleh menggantung, mengganggu atau melumpuhkan Aplikasi atau mana-mana bahagian fungsinya;
- d) Apa-apa halangan atau larangan terhadap penggunaan Aplikasi oleh mana-mana undang-undang atau peraturan mana-mana negara dari mana anda mengakses Aplikasi;
- e) Apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh Peranti Mudah Alih, penyedia penyemak seimbans internet atau Penyedia Perkhidmatan Rangkaian;
- f) Apa-apa kerosakan pada Peranti Mudah Alih, sistem atau perisian yang digunakan berhubung dengan Aplikasi, sama ada milik kami atau tidak, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti telekomunikasi, sambungan, elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem komunikasi lain;
- g) Kegagalan anda untuk mematuhi arahan, prosedur dan perintah bagi kegunaan Aplikasi; atau
- h) Kerosakan atau kehilangan apa-apa data atau arahan atau semasa transmisi sama ada melalui Aplikasi atau sebaliknya yang digunakan oleh kami atau mana-mana pihak ketiga sama ada berhubung dengan Aplikasi atau tidak.

## **7. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN**

7.1 Anda bersetuju dan memberi kebenaran kepada kami (termasuk kakitangan, ejen kami atau mana-mana orang yang kami beri akses kepada rekod kami berkaitan dengan anda atau kegunaan atau akses anda kepada Aplikasi) untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan anda dan penggunaan dan akses anda kepada Aplikasi kepada mereka yang berikut:-

- a) Mana-mana orang ahli Kumpulan Public Bank bagi tujuan:-
  - i) Pelaporan;

- ii) Untuk melaksanakan fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
  - iii) Untuk mematuhi dasar, garis panduan, arahan dan kehendak Kumpulan Public Bank;
  - iv) Pelaksanaan korporat;
  - v) Pembasmian penipuan dan jenayah;
  - vi) Pemungutan hutang;
  - vii) Penyumberan luar fungsi dan/atau operasi kami;
  - viii) Siasatan, pembasmian atau sebaliknya berkaitan dengan penggubahan wang haram dan aktiviti jenayah;
  - ix) Membaiki dan menambah peruntukan perkhidmatan lain oleh kami atau mana-mana Kumpulan Public Bank kepada anda;
- b) Mana-mana orang atau yang mempunyai hubungan dengan tindakan atau prosiding yang diambil oleh kami untuk memelihara dan menguatkuasakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;
  - c) Mana-mana orang yang dilantik oleh kami bagi tujuan untuk melaksanakan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi perkhidmatan atau pengoperasian yang telah disumberluarkan;
  - d) Juruaudit, peguam dan penasihat profesional;
  - e) Polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan penyiasatan berhubung dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
  - f) Pencetak alatan tulis, pengedar sistem komputer yang kami gunakan dan kepada orang yang kami upah untuk memasang dan mengendalikannya serta penyedia barang dan perkhidmatan lain;
  - g) Apa-apa agensi penarafan;



- h) Peserta sebenar atau bakal peserta atau separuh peserta berkaitan dengan mana-mana tanggungjawab kami di bawah perjanjian perbankan antara anda dengan kami, atau penerima serah hak, novati atau penerima pindahan;
- i) Mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan dengan bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank;
- j) Mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan urusan cukai;
- k) Mana-mana pihak yang perlu untuk kami menjalankan obligasi kami di bawah Terma dan Syarat ini;
- l) Mana-mana orang yang kepadanya kami atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank dibenarkan atau dikehendaki mendedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara;
- m) Mana-mana orang yang anda memberi kuasa untuk menggunakan dan mengakses Aplikasi;
- n) Pemegang akaun bersama Akaun Simpanan WISE yang dirangkaikan dengan Aplikasi.

7.2 Kami dan Kumpulan Public Bank boleh bertindak dalam apa jua cara yang kami anggap wajar sekiranya kami diberi perintah mahkamah oleh mana-mana bidang kuasa. Anda bersetuju bahawa anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami atas apa-apa kerugian atau kerosakan berhubung dengan tindakan kami.

7.3 Anda mengesahkan telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Bank yang boleh didapati melalui laman web Bank. Anda bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi itu akan dianggap sebagai telah digabungkan dengan merujuk Terma dan Syarat ini. Bagi Kanak-kanak, Ibu atau Bapanya mengesahkan bahawa mereka memberi keizinan untuk pemprosesan dan penggunaan data peribadi Kanak-kanak tersebut menurut Notis Privasi dan Terma dan Syarat ini

## **8. HAK CIPTA DAN TANDA NIAGA**

- 8.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua hak cipta, tanda niaga/tanda khidmat, paten, logo dan hak harta intelek lain dalam Aplikasi dan kandungan dalamnya termasuk tetapi tidak terhad pada semua maklumat, butir-butir, grafik, data, fail, teks, rakaman bunyi dan turutan dan susunannya hendaklah pada setiap masa diletak hak dan terus diletak hak dalam Public Bank Berhad, atau pemunya pihak ketiga yang berkaitan mengikut keadaan.
- 8.2 Tiada satu pun bahagian dalam Aplikasi, boleh diterbitkan semula, disalin, diubah suai, diedarkan, diterbitkan, dihantar, disimpan, dilaksanakan, dilesenkan, dijual atau dipinda tanpa kebenaran bertulis orang yang dibenarkan oleh Public Bank Berhad atau pemunya pihak ketiga yang berkaitan mengikut keadaan.
- 8.3 Penyelitan pautan kepada Aplikasi pada mana-mana laman web, bingkai atau “cermin” mana-mana kandungan Aplikasi atau laman web atau pelayan lain dilarang melainkan dengan kebenaran bertulis daripada orang yang dibenarkan oleh Public Bank Berhad atau pemunya pihak ketiga yang berkaitan, mengikut keadaannya.
- 8.4 Pelanggan memahami bahawa Aplikasi ini tidak boleh digunakan bagi apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang, menggunakan kata-kata kesat, memfitnah, lucah atau mengugut ataupun digunakan bertentangan dengan undang-undang atau keperluan pengawalseliaan.

## **9. PAUTAN**

- 9.1 Pelanggan memahami bahawa Bank mungkin memasukkan pautan hiper daripada atau kepada Aplikasi yang dimiliki atau dikendalikan oleh pihak ketiga yang bukannya di bawah kawalan Bank dan/atau Kumpulan PBB.
- 9.2 Dengan menyediakan pautan hiper dalam Aplikasi itu, Bank tidak mengendors dan tidak bertanggungjawab bagi apa-apa laman web yang dipautkan dan menolak apa-apa liabiliti bagi amalan privasi atau kandungan laman web yang dipautkan ini. Pelanggan memahami dan mengakui perlunya untuk menyemak semula terma dan syarat pautan yang dihasratkan, dasar dan apa-apa dokumen yang berkaitan untuk memahami akibat daripada kandungan atau perkhidmatan pihak ketiga sebelum digunakan.



- 9.3 Mana-mana orang yang membuat pautan pada Aplikasi tanpa kebenaran bertulis orang yang dibenarkan oleh Public Bank Berhad akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa tuntutan berikutan pautan yang tidak dibenarkan itu.

## **10. PERALATAN DAN AKSES RANGKAIAN**

- 10.1 Pelanggan akan, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, bertanggungjawab bagi pembelian, kos, pemasangan, penyelenggaraan, penggunaan dan pembaikan (jika ada) Peranti tersebut yang perlu untuk mengakses Aplikasi.
- 10.2 Pelanggan akan bertanggungjawab bagi semua caj telekomunikasi yang perlu ditanggung, termasuk caj langganan, fi dan caj lain yang dikenakan oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian dan mana-mana pihak ketiga.

## **11. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN**

- 11.1 Kami boleh, dengan notis terlebih dahulu, menggantung atau menamatkan hak anda untuk menggunakan dan mengakses Aplikasi atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa perlu berasa bertanggungjawab untuk memberi apa-apa sebab.
- 11.2 Kami boleh menggantung atau menamatkan hak anda untuk menggunakan dan mengakses Aplikasi dengan segera sekiranya:-
- a) Anda mengugut untuk mengingkari atau telah mengingkari apa-apa fasal dalam Terma dan Syarat ini;
  - b) Anda meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, tidak siuman, tidak mampu untuk membayar, bankrap atau tertakluk pada prosiding guaman;
  - c) Pada bila-bila masa selepas permohonan anda diluluskan bagi kegunaan dan akses kepada Aplikasi, undang-undang dan peraturan yang mengawal kami menjadikannya menyalahi undang-undang, tidak sah atau mustahil untuk kami untuk memberi anda atau terus membenarkan anda untuk menggunakan Aplikasi atau untuk mematuhi tanggungjawab di bawah Terma dan Syarat ini;
  - d) Siasatan akan atau sedang dijalankan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia terhadap anda;

- e) Terdapat laporan dibuat terhadap anda di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001;
  - f) Kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Aplikasi ini digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 11.3 Pelanggan mengakui bahawa penamatan itu tidak akan memberi kesan ke atas liabiliti atau kebertanggungjawaban Pelanggan berkenaan dengan arahan yang telah diproses dan/atau dikenakan oleh Bank bagi pihak Pelanggan sebelum penamatan dan/atau pembatalan akses Pelanggan kepada Aplikasi.
- 11.4 Sekiranya anda tidak lagi menyenggara Akaun Simpanan WISE dengan Bank, yang boleh diakses melalui Aplikasi berkenaan, hak anda untuk menggunakan dan mengakses akan ditamatkan. Bagaimanapun, sekiranya terdapat matlamat sedia ada yang diwujudkan sebelum penamatan tersebut dan matlamat itu belum matang, sempurna dan/atau habis tempoh, anda boleh terus menggunakan dan mengakses Aplikasi berkenaan sehingga faedah untuk matlamat itu dikreditkan atau matlamat itu telah matang atau habis tempoh, mana-mana yang lebih dahulu. Dalam tempoh berkenaan, anda tidak boleh mewujudkan apa-apa matlamat baharu.

## **12. BUKTI**

- 12.1 Semua rekod yang disimpan oleh Bank dalam apa juga bentuk, hendaklah menjadi bukti muktamad dan konklusif terhadap Pelanggan kecuali yang mengandungi kesalahan yang nyata.
- 12.2 Pelanggan bersetuju bahawa semua arahan yang dihantar oleh Peranti atau yang dikeluarkan oleh Pelanggan, dalam bentuk elektronik:-
- a) Adalah dokumen bertulis, dan Pelanggan bersetuju untuk tidak mempertikaikan atau mencabar kesahan atau kebolehuatkuasaan apa-apa arahan atas dasar dan bukan dokumen bertulis; dan
  - b) Adalah dokumen asal dan Pelanggan bersetuju untuk tidak mencabar kebolehterimaan apa-apa arahan atas dasar ia dibuat dalam bentuk elektronik.

- 12.3 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa rekod Bank termasuk apa-apa rekod mengenai arahan yang dibuat atau dilaksanakan, diproses atau dikuatkuasakan melalui Aplikasi oleh Pelanggan atau mana-mana orang yang dikatakan Pelanggan, apa-apa rekod urus niaga berkaitan dengan Aplikasi atau oleh mana-mana orang dibenarkan yang berkaitan dengan Aplikasi sama ada disimpan dalam bentuk elektronik atau bercetak, akan menjadi bukti konklusif mengenai arahan dan urus niaga berkenaan.

Pelanggan bersetuju bahawa semua rekod boleh diterima sebagai bukti dan Pelanggan tidak akan mencabar atau mempertikaikan kesahan, kebolehuatkuasaan, ketepatan atau ketulenan kandungan rekod berkenaan yang berdasarkan atas rekod berkenaan adalah dalam bentuk elektronik atau dihasilkan oleh atau dikeluarkan oleh sistem komputer.

### **13. TANGGUNGJAWAB KERAHSIAAN OLEH PELANGGAN**

- 13.1 Pelanggan mengakui keperluan ketat berhubung kerahsiaan dan obligasi yang dikenakan terhadap Public Bank Berhad di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan mengaku janji untuk tidak membuat atau menyebabkan untuk dibuat suatu tindakan atau ketertinggalan yang mungkin menyebabkan Bank mungkir tanggungjawab kerahsiaan dan tanggungjawabnya. Tanggungjawab Pelanggan hendaklah melepasi penamatan penggunaan dan/atau akses Aplikasi ini.
- 13.2 Sekiranya Pelanggan menerima apa-apa bahan atau data yang mengandungi maklumat yang Pelanggan bukannya penerima yang sepatutnya, Pelanggan akan diberi notis bahawa apa-apa penggunaan, penyebaran, pengedaran atau pinalinan bahan atau data itu adalah dilarang dan tertakluk pada guaman terlindung. Pelanggan bersetuju untuk menghapuskan bahan atau data tersebut dan memaklumkan kepada Bank dengan segera.



## **14. INDEMNITI (TANGGUNG RUGI)**

14.1 Selain daripada dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi yang ada pada kami (dari segi undang-undang dan sebagainya) dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, anda akan menanggung rugi dan mengelakkan kami daripada menanggung rugi pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, kerugian, kos, ganti rugi, liabiliti, caj dan perbelanjaan termasuk fi dan kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh dan semua cukai barang atau perkhidmatan, cukai, duti dan levi lain yang perlu dibayar bagi kos, caj dan perbelanjaan sedemikian yang kami mungkin alami atau tanggung disebabkan oleh:-

- a) Ketidakpatuhan atau kemungkiran anda terhadap Terma dan Syarat ini atau terma dan syarat lain yang diterima pakai ke atas anda;
- b) Kami bertindak menurut apa-apa arahan yang dikatakan diberikan oleh kami menurut Terma dan Syarat ini;
- c) Apa-apa perubahan dalam undang-undang yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad pada undang-undang atau peraturan percukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kita;
- d) Apa-apa tindakan oleh mana-mana pihak terhadap anda bagi apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada kegunaan yang menyalahi undang-undang, penipuan, kecuaiian atau tanpa kebenaran Aplikasi berkenaan;
- e) Pemulihan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;
- f) Pematuhan oleh kami mengenai apa-apa keputusan, perintah mahkamah, dikri, perintah, undang-undang, peraturan atau apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh mana-mana tribunal atau pihak berkuasa yang mempunyai mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

## **15. FIDAN CAJ**

15.1 Anda bertanggungjawab untuk membayar semua kos, caj, pengeluaran, fi dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada fi guaman kami) berkaitan dengan atau sampingan kepada Aplikasi termasuk tetapi tidak terhad pada penguatkuasaan atau pemeliharaan apa-apa hak kami di bawah Terma dan Syarat ini.





## **16. HAK UNTUK MENDEBIT**

- 16.1 Anda membenarkan kami untuk mendebit daripada Akaun Simpanan WISE anda atau mana-mana akaun yang dipegang oleh kami, dengan memaklumkan kepada anda, semua wang yang perlu dibayar oleh anda kepada kami berkaitan dengan penggunaan Aplikasi ini oleh anda.

## **17. CUKAI, DUTI DAN LEVI**

- 17.1 Anda dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa cukai atau levi yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang berkenaan (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan berkenaan) untuk dibayar kepada mana-mana badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau dialami oleh kami dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami berkaitan dengan Aplikasi ini.
- 17.2 Apa-apa cukai atau levi yang dialami oleh saya berkaitan dengan cukai atau levi yang dialami oleh kami berkenaan dengan Aplikasi ini barang atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Aplikasi ini hendaklah ditanggung oleh dan dicaj kepada anda sekiranya kami melaksanakan pembayaran, anda bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami amaun yang telah dibayar.

## **18. ANTISOGOKAN DAN ANTIRASUAH**

- 18.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antisogokan dan Antirasuah (“Dasar ABAC”) yang menerima pakai “pendekatan toleransi sifar” terhadap apa jua bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC ini, sila layari laman web Bank.
- 18.2 Tuan/Puan hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Antirasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 18.3 Bank berhak untuk menamatkan produk dan/atau perkhidmatan yang diberikan kepada tuan/puan dengan serta-merta sekiranya tuan/puan didapati melanggar Dasar ABAC itu atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan sogokan atau rasuah.



## 19. NOTIS

19.1 Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi yang kami hantar kepada anda boleh:-

- a) Dihantar dengan tangan ke alamat terakhir yang diketahui oleh kami;
- b) Dihantar melalui pos (berdaftar, AR berdaftar, biasa atau seumpamanya) ke alamat terakhir yang diketahui oleh kami;
- c) Dihantar melalui faksimile ke nombor terakhir yang diketahui oleh kami;
- d) Dihantar melalui mel elektronik ke alamat mel elektronik terakhir yang diketahui oleh kami;
- e) Dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada nombor telefon mudah alih terakhir yang diketahui oleh kami; atau
- f) Komunikasi kepada anda melalui paparan dalam laman web kami.

19.2 Notis, tuntutan dan komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda:-

- a) Pada masa penghantaran di alamat anda, jika dihantar dengan tangan;
- b) Pada hari ketiga (termasuk hari pengeposan) daripada tarikh diposkan;
- c) Pada waktu penghantaran faksimile selesai dibuat;
- d) Pada waktu pengeposan elektronik selesai dibuat;
- e) Pada waktu penghantaran system pesanan ringkas (SMS) selesai dibuat; atau
- f) Pada waktu paparan pada laman web kami.



- 19.3 Anda bersetuju untuk memaklumkan kepada kami dengan segera mengenai apa-apa perubahan dalam surat-menyurat, mel atau alamat tempat tinggal dan maklumat untuk menghubungi anda (“Maklumat”). Sekiranya anda tidak memaklumkan mengenai perubahan tersebut, anda bersetuju bahawa kami boleh bergantung kepada apa-apa alamat dan/atau maklumat untuk menghubungi seperti yang ada dalam rekod kami atau yang kami peroleh daripada apa-apa komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh anda kepada kami.
- 19.4 Apa-apa kegagalan oleh anda untuk memaklumkan perubahan Maklumat anda kepada kami sehingga menyebabkan surat-menyurat dan/atau notis tertangguh atau tidak dapat dihantar tidak akan memprejudis hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini.
- 19.5 Semua notis kepada kami mengenai Aplikasi dan Terma dan Syarat ini hendaklah secara bertulis, ditandatangani oleh anda dan hendaklah dihantar kepada kami mengikut alamat yang berikut atau dihantar atau melalui apa jua cara kepada:-

Perbankan Urus niaga – Perbankan Digital  
Pengurusan Kewangan dan Perbankan Urus niaga  
Tingkat 20, Menara Public Bank,  
146, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur

## **20. FORCE MAJEURE**

- 20.1 Sekiranya kami tidak dapat melaksanakan tanggungjawab di bawah Terma dan Syarat ini disebabkan perkara di luar kawalan kami termasuk tetapi tidak terhad pada kegagalan peralatan, sistem atau pautan transmisi untuk berfungsi atau kegagalan, kebakaran, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, gangguan elektrik, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan awam, tsunami, kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, gangguan bekalan air dan minyak atau sebab-sebab lain yang berbentuk *force majeure*, iaitu, peristiwa yang tidak dijangka yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab di bawah Terma dan Syarat ini, kami tidak akan dalam apa jua cara dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan, kehilangan, kerosakan atau kesusahan yang anda mungkin tanggung disebabkan kegagalan untuk melaksanakannya.



## **21. PENEPIAN**

- 21.1 Apa-apa kegagalan atau kelewatan di pihak kami untuk melaksanakan hak dan remedi tersebut yang boleh didapati di bawah Terma dan Syarat ini atau undang-undang yang berkaitan tidak akan dianggap sebagai penepian oleh kami terhadap hak dan remedi tersebut.
- 21.2 Sekiranya kami memutuskan untuk melaksanakan apa-apa hak yang kami mungkin ada berkaitan dengan kemungkiran anda, ia tidak harus dianggap sebagai penepian hak kami dan kami memegang hak kami pada bila-bila masa berkaitan dengan kemungkiran tersebut atau kemungkiran selanjutnya oleh tuan/puan.

## **22. KEBOLEHASINGAN**

- 22.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan, klausa yang tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan akan dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baki Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan tidak akan terjejas dalam apa juga cara oleh klausa yang tidak sah, batal atau tidak boleh dikuatkuasakan.

## **23. PINDAAN**

- 23.1 Kami boleh, pada bila-bila masa, meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau mengubah prosedur dan proses yang diterima pakai bagi Aplikasi dan fungsi atau butiran berkaitan dengan perkhidmatan yang diberi dalam Aplikasi termasuk nama Aplikasi dengan memberi notis kepada anda.
- 23.2 Kami boleh meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau mengubah Terma dan Syarat ini dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kepada anda. Sekiranya anda terus menggunakan dan mengakses Aplikasi itu, anda dianggap telah bersetuju dengan pindaan, pengubah suaian, penyemakan semula dan ubahan Terma dan Syarat berkenaan.

## **24. REMEDI KUMULATIF**

- 24.1 Hak, kuasa dan keistimewaan yang diberi di bawah Terma dan Syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif berkenaan dengan apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang disediakan oleh undang-undang, dalam perjanjian lain antara pihak-pihak dan sebaliknya.

## **25. PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN**

25.1 Anda bersetuju bahawa tanpa mengira apa yang dinyatakan dalam mana-mana Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan kami seperti yang dinyatakan di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuat kuasa dan dijalankan dan akan mengatasi apa-apa penamatan, pembatalan, pengubahsuaian atau penggantungan akses kepada Aplikasi itu.

## **26. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA**

26.1 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan anda tanpa boleh batal mengemukakannya kepada pihak berkuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

26.2 Anda bersetuju untuk mengecualikan apa-apa bantahan atas sebab kesesuaian tempat, bidang kuasa atau sebab yang sama.

## **27. BOLEH SERAH HAK**

27.1 Anda boleh menyerahkan mana-mana hak dan tanggungjawab anda di bawah Terma dan Syarat ini.

27.2 Kami akan menyerahkan hak semua atau mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana orang yang kami anggap sesuai.

## **28. MENGIKAT PENGGANTI**

28.1 Terma dan Syarat dalam ini akan mengikat waris, wakil diri, pengganti serah hak dan pengganti dan penerima serah hak.

## **29. ADUAN DAN PERTIKAIAN**

29.1 Sekiranya anda mempunyai aduan, pertikaian, pertanyaan atau memerlukan apa-apa bantuan berkaitan dengan Aplikasi itu, anda boleh menghubungi Sokongan Pelanggan PBe Public Bank.

29.2 Anda perlu menyatakan bentuk pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian dan butir-butir atau maklumat lain seperti yang mungkin diperlukan oleh kami. Aduan, pertikaian atau pertanyaan itu akan disiasat, ditangani dan/atau diselesaikan mengikut prosedur penyelesaian dan pertikaian kami.

Sekiranya terdapat perbezaan antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan dalam Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diguna pakai.